

# 'Tiada ruang usul undi tak percaya'

Anwar jamin  
semua pemimpin  
komponen PH  
terus sokong  
Dr Mahathir

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semua pemimpin komponen Pakatan Harapan (PH) kekal menyokong padu kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, sekali gus menutup ruang kemungkinan berlaku undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri.

Jaminan itu diberikan Ketua Umum PH yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menepis khabar angin kononnya wujud cubaan menyingkirkan Dr Mahathir susulan kekalahan teruk calon Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Perkembangan itu menunjukkan sokongan kepada Dr Mahathir kekal utuh, namun mewujudkan pula lebih banyak persepsi mengenai pertemuan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dengan sekumpulan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan PKR di Putrajaya, dua malam lalu.

Jaminan itu juga menepis tuduhan bekas Timbalan Presiden PKR, Dr Syed Husin Ali bahawa keputusan di Tanjung Piai disebabkan rakyat kecewa dengan kerajaan pimpinan Dr Mahathir, sedangkan keputusan dibuat dalam PH adalah dengan persetujuan pemimpin lain dalam pa-

BH - 21/11/2019  
katan berkenaan.

Anwar yang ditemui pemberita di lobi Parlimen semalam, menegaskan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri tidak pernah berbangkit sama sekali, malah disifatkannya sebagai tidak perlu kerana hubungan dan kerjasama serta muafakat dalam PH adalah kuat.

Katanya, beliau berhubungan dengan Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu; Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, hampir setiap hari bagi urusan berkaitan PH.

"Usul undi tidak percaya tidak berbangkit sama sekali. Takkan saya tak tahu sebab saya berhubung dengan mereka (pemimpin komponen PH) hari-hari. Yang tidak (percaya) itu hanya pinggir, pucisan yang tidak masuk dalam aliran PH, tak ada dalam mesyuarat," katanya.

Ahli Parlimen Port Dickson itu juga mengingatkan, pihak yang mahu merebut jawatan Perdana Menteri tidak perlu berpakat dengan kumpulan tertentu atau



Anwar ditemui wartawan di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto Bernama)

bermesyuarat secara sulit, sebaliknya wajar menggunakan cara yang betul.

Malah, tegasnya, beliau sendiri terbuka terhadap mana-mana pihak yang berminat menyandang jawatan itu, dengan syarat menggunakan laluan sepatutnya.

"Saya tidak halang sesiapa yang berminat (jawatan Perdana Menteri), tapi ikut jalur biasa. Kalau tidak, nanti kita kena pakat dengan kelompok itu, kelompok ini, mesyuarat sulit sana sini. Jadi tak tumpu kerja.

"Apa masalah yang perlu diselesaikan? Masalah rakyat. Ekonomi harus dibangunkan, masalah rakyat harus diselesaikan. Kalau tak belajar lagi daripada pukulan teruk di Tanjung Piai, parah kita," katanya.

Beliau mengulas laporan BH semalam mengenai pertemuan

Mohamed Azmin dengan beberapa Ahli Parlimen BN dan PH di kediaman Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu di Putrajaya, antara lain dikatakan membincangkan penubuhan kerajaan pintu belakang, bermula di Melaka.

Tidak berminat melayan laporan yang memetik sumber, Anwar menekankan kepentingan untuk mengikut saluran biasa dan sentiasa berbincang serta memiliki hubungan baik dengan Dr Mahathir.

"Pemimpin PH perlu segera belajar daripada kekalahan di Tanjung Piai dengan bersifat rendah diri apabila rakyat tunjuk kegelisahan dan marah menerusi peti undi. Kalau masih lagi cara begini, pamer kuasa, nak agih projek, nak beli orang, guna berita palsu, ini semua tak membantu kita," katanya.

## PM ucap terima kasih terus sokong

**Petaling Jaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad berterima kasih kepada pemimpin utama parti komponen Pakatan Harapan (PH) yang tidak akan membuat undi tidak percaya terhadapnya di Dewan Rakyat.

Namun, pada masa sama, Perdana Menteri yang ditemui media selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) semalam, menegaskan mereka bebas untuk membuat usul undi tidak percaya atau usul undi percaya terhadapnya.

"Terima kasihlah. Kalau nak buat (undi tidak percaya), buatlah sebab kita negara bebas. Kita

negara yang mengamalkan demokrasi. Kita boleh buat undi tidak percaya, bahkan boleh juga buat undi menyokong saya," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU turut berterima kasih kepada Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menegaskan PAS akan menyokong beliau kekal sebagai Perdana Menteri sehingga tamat penggal Parlimen ini.

"Dulu dia tak sokong saya masa (saya) dalam UMNO. Mungkin kerana kedudukan saya sekarang, dia sokong. Tak apalah. Terima kasih. Sampaikan salam saya kepada beliau," katanya sambil tersenyum.